

TEKS UCAPAN
BRIG. JENERAL DATO' PROF. DR. KAMARUDIN HUSSIN,
NAIB CANSELOR UniMAP
SEMPENA
MAJLIS ANUGERAH SERI GEMILANG UniMAP 2008
PADA 7 MAC 2009 BERTEMPAT DI DEWAN 2020, PERLIS.

Bismillah Hirrahman Nirrahim
Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh Dan
Salam Perpaduan.

Mengadap Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail, Raja Muda Perlis merangkap Tuanku Canselor UniMAP dan Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Hajjah Lailatul Shahreen Akashah Khalil, Raja Puan Muda Perlis.

Ampun tuanku, sembah patik mohon di ampun,

Patik dan seluruh warga Universiti Malaysia Perlis merafak sembah, menjunjung kasih yang tidak terhingga, di atas perkenan Duli Tuanku berdua bercemar Duli berangkat ke Majlis Anugerah Seri Gemilang 2008 pada malam ini. Sesungguhnya kehadiran Duli Tuanku berdua pada malam ini amat besar ertinya buat kami di universiti ini.

Sesungguhnya, kami warga UniMAP berasa sangat bertuah kerana mempunyai Canselor yang begitu berjiwa rakyat dan komited kerana sanggup meluangkan masa menghadiri

majlis-majlis yang dianjurkan oleh UniMAP dari dahulu sehingga kini.

Keberangkatan Duli Tuanku Berdua benar-benar berjaya menaikkan semangat kami untuk terus memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada universiti ini. Izinkan patik menyampaikan serangkap pantun khusus untuk Duli Tuanku Berdua :

Sudah bercambah isinya padat
si ayak tirih lantun ke alur
Indah persembah di istiadat
Sepiak sirih santun dihulur

Ampun Tuanku,

Izinkan patik menyampaikan ucapan kepada barisan tetamu yang dimuliakan.

Yang Amat Berhormat Dato' Dr. Md. Isa Sabu, Menteri Besar Perlis dan Yang Amat Berbahagia Datin.

Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dan Isteri, Ahli – Ahli Yang Berhormat dan Isteri.

Yang Berbahagia, Tan Sri Datuk Seri Hj. Zainul Ariff Haji Hussain, Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti dan Yang Berbahagia Puan Seri.

Dif – Dif Kehormat, Pegawai-Pegawai Utama UniMAP.

Dekan – Dekan dan Ketua – Ketua Jabatan UniMAP, Wakil-Wakil Media. Seterusnya Tuan-Tuan dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian.

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah rahmat dan keizinanNya jualah sekali lagi kita dapat bersama-sama di Majlis Anugerah Seri Gemilang 2008 pada malam ini, bagi meraikan mereka yang telah berjaya menunjukkan prestasi perkhidmatan yang cemerlang sepanjang tahun 2008 yang lalu.

Dikesempatan ini, ucapan terima kasih juga dititipkan buat semua dif-dif kehormat dari pelbagai jabatan dan institusi pendidikan di Negeri Perlis ini kerana sudi meluangkan masa dan melapangkan diri untuk memeriahkan lagi majlis kami pada malam ini.

Hadirin dan hadirat sekalian

Majlis Anugerah Seri Gemilang merupakan usaha jangka panjang UniMAP dalam membentuk budaya kerja atau perkhidmatan yang cemerlang, bermutu atau penghasilan kerja melebihi daripada keperluan tanggungjawab biasa bagi seseorang penjawat awam.

Seharusnya perkhidmatan seumpama ini dijadikan contoh dan ikutan serta dapat mempengaruhi untuk menggerakkan kecergasan kerja dan daya usaha kakitangan yang lain.

Saya yakin bahawa perkhidmatan yang cekap perlu untuk menjadikan UniMAP institusi akademik dan penyelidikan yang berdaya saing sekaligus akan membawa hasil yang cemerlang, gemilang dan terbilang di masa akan datang.

Ladies and Gentlemen;

This Ceremony for the Award of Excellence is dedicated to the workforce who has upheld excellent performance in carrying out their duty. The habituation in delivering outcome with up and above quality; beyond the standard of expectation, giving more and contributing positively towards the job description assigned deserves spotlight and appreciation in award of excellence. From there on, such act of excellence will become model to the other members of the workforce.

The awards ARE limited, but the strive for excellence is NOT limited to a few. Excellent service is vital to uphold the good name of UniMAP. Every job is a self-portrait of the person who did it. Autograph your work with excellence. A portrait drawn from such series of right actions will be a portrait which we would be proud to show all.

Hadirin dan hadirat sekalian

Seperti tahun-tahun yang lalu, UniMAP telah menetapkan kriteria-kriteria tertentu bagi pemilihan kakitangan yang cemerlang. Ini bagi memastikan bahawa hanya kakitangan yang benar-benar layak dipilih untuk menerima anugerah-anugerah ini.

Izinkan saya menyenaraikan sedikit sebanyak kejayaan yang diraih oleh Kakitangan UniMAP sepanjang tahun lalu.

ASPEK KEBUDAYAAN :

Kumpulan Indrasutra UniMAP – kumpulan yang bertanggungjawab dalam aspek persembahan dan kebudayaan di UniMAP dianggotai oleh 17 artis budaya, 6 orang ahli muzik dan seorang pereka tari. Kumpulan artis budaya ini bukan sahaja setakat menghiburkan tetamu UniMAP tetapi kumpulan ini telah berjaya mengharumkan nama UniMAP di dalam dan luar negara.

Antara majlis yang melibatkan kumpulan ini ialah, Sambutan Kemerdekaan Bersama Konsulat Malaysia di Songkla, Thailand dan juga Projek Promosi Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Malaysia oleh UniMAP di Bangkok, Thailand.

Selain itu, pada bulan Oktober lalu, kumpulan ini juga telah membuktikan kehebatan mereka apabila muncul Juara Negeri

Perlis pada *Festival Tari 2008* dan bakal mewakili Perlis ke peringkat zon utara pada 2hb Mei 2009 di Taman Budaya Perlis. Tahniah dan syabas saya ucapkan.

Hadirin dan hadirat sekalian,

ASPEK HUBUNGAN ANTARABANGSA DAN KERJASMA LUAR :

UniMAP turut mempamerkan kecemerlangan dalam menjalankan hubungan antarabangsa dengan Institusi Pendidikan di Luar Negara selain hubungan dengan syarikat multinasional dan industri dalam negara. Sepanjang tahun 2008 sahaja, UniMAP telah berjaya menandatangani 24 MoU dengan pelbagai universiti di dunia selain 61 MoU dan MoA dengan industri.

Ini membuktikan, hasil usaha gigih kakitangan UniMAP selama ini membolehkan kita tersenyum bangga kerana apa yang kita capai ini sebenarnya membuktikan bahawa kita komited dengan kerja-kerja yang telah diamanahkan kepada kita.

ASPEK PENYELIDIKAN DAN INOVASI :

Kekuatan akademik sesebuah universiti banyak bergantung kepada input yang datangnya daripada penyelidikan. Dan adalah menjadi sesuatu yang membanggakan apabila hasil penyelidikan UniMAP selama 7 tahun ini telah banyak menempa kejayaan dan pengiktirafan di peringkat

antarabangsa dan juga kebangsaan. Sebagai bukti, lihatlah kejayaan kita yang dicatatkan sepanjang tahun 2008 yang lalu.

- 100 % kejayaan di Pameran Geneva 2008, INPEX Pittsburgh USA 2008 dan IENA 2008 di German, SIIF 2008 di Korea Selatan dan Pameran Eureka di Belgium.
- 80 Peratus kejayaan di MTE 2008
- 72 % kejayaan di ITEX 2008
- Selain itu, Pelajar UniMAP pula telah menempa 40 peratus kejayaan pada National Research And Innovation Competition 2008. Walaupun hanya 40 peratus, tetapi kita boleh berbangga apabila pelajar kita muncul sebagai penerima Anugerah Khas ‘Best Invention & Innovation Award’

Saya percaya proses pengajaran-pembelajaran bersandarkan pada kekuatan penyelidikan bukan sahaja dapat menjamin kualiti kandungan akademik yang disampaikan kepada pelajar bahkan dapat menjamin sumbangan yang lebih bermakna kepada masyarakat dan negara.

Hadirin dan hadirat sekalian,

Untuk mengorak langkah yang lebih cemerlang dan gemilang, UniMAP secara rasminya telah menggunakanapakai Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) MS ISO 9001:2000 yang mana pelancaran pelaksanaan dokumentasinya akan disempurnakan sebentar lagi. Sistem ini diselia oleh Unit Kualiti dengan bantuan beberapa jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Prof. Dr. Ali Yeon.

Skop Perlaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2000 di UniMAP adalah melalui “Penyediaan Perkhidmatan Pendidikan Tinggi Program Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) yang ditawarkan Secara Sepenuh Masa di UniMAP”.

Sebanyak 48 Prosedur Kualiti telah dibangunkan terdiri daripada 14 Prosedur Pengurusan dan 34 Prosedur Operasi membabitkan hampir keseluruhan jabatan di UniMAP.

Hadirin Sekalian,

Jika ingin disenaraikan satu persatu, terlalu banyak yang ingin saya perkatakan mengenai kejayaan UniMAP. Namun, saya tidak mahu malam yang indah dan dianjurkan khusus untuk meraikan petugas cemerlang dihabiskan dengan hanya mendengar ucapan saya.

Akhir kata, kepada penerima-penerima anugerah, saya ucapakan tahniah dan teruskan perkhidmatan yang cemerlang dan berkualiti. Kepada yang belum menerima

anugerah, jadikanlah mereka ini sebagai contoh anda dalam usaha mencapai kecemerlangan dan semoga anda juga suatu ketika nanti akan memperoleh kecemerlangan yang serupa.

Ampun Tuanku,

Sekian sahaja ucapan patik. Akhir kata sekali lagi patik ingin merafak sembah, menjunjung kasih yang tidak terhingga kepada Duli Tuanku berdua di atas perkenan berangkat ke majlis pada malam ini. Sesungguhnya kehadiran Duli Tuanku berdua begitu besar ertinya buat kami semua.

Patik sudahi dengan wassalamualaikum warahmatullahi Wabarakatuh.